

16/08/1998

Sabah teguh di belakang Perdana Menteri

KOTA KINABALU: Umno Sabah semalam menyatakan sokongan padu dan tidak berbelah bahagi kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk terus menerajui kepemimpinan negara dan Umno.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah, Datuk Osu Sukam, ketika menyatakan sokongan terbuka itu berkata ia penting demi memperkukuhkan kekuatan negara dan Umno sendiri dalam menangani pelbagai masalah.

"Kita harus sedar bahawa kekuatan Dr Mahathir sebagai pemimpin kita bermakna kekuatan parti dan kekuatan negara. Kita memilih beliau sebagai pemimpin kita, maka adalah menjadi tanggungjawab kita meneruskan sokongan kepadanya."

"Hanya dengan sokongan padu rakyat dapat memberikan kekuatan kepada beliau dalam menangani segala masalah yang dihadapi negara," katanya berucap pada Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat anjuran Badan Perhubungan Umno Sabah di Likas, dekat sini semalam.

Selain Dr Mahathir, majlis itu turut dihadiri isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Bernard Dompok serta pemimpin parti komponen BN Sabah.

Osu yang juga Timbalan Ketua Menteri Sabah berharap tidak ada pihak salah faham dengan tindakan Umno Sabah memberi sokongan bulat dan padu kepada pimpinan Dr Mahathir.

"Ini tidak bermakna kita menentang dan menolak pimpinan lain. Yang kita tentang dan tolak ialah desas-desus dan ura-ura untuk menjatuhkan Dr Mahathir sebagai teraju pimpinan negara," katanya.

Beliau juga berkata Umno Sabah turut memilih dan memberi sokongan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Presiden atas keyakinan bahawa beliau penyokong dan orang kuat Dr Mahathir serta berpotensi mengambil alih teraju pimpinan negara apabila tiba masanya kelak.

Sehubungan itu, katanya, Umno Sabah megalu-alukan pengumuman dan ikrar Anwar baru-baru ini yang memberi sokongan kepada Dr Mahathir untuk terus mengekalkan jawatan Presiden Umno.

"Kita semua sebagai rakyat Malaysia dan khususnya sebagai ahli Umno wajar menyambut baik pengumuman Anwar ini dan berharap ia memadamkan cakap-cakap yang mengadu-dombakan pemimpin parti," katanya.

(END)